

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Sekurang-kurangnya satu daripada setiap Bahagian.

Bahagian A

1. (a) Jelaskan dan huraikan punca-punca basah dan lembap pada bangunan boleh berlaku?

(b) Lakarkan 3 jenis kaca yang biasa digunakan pada bangunan-bangunan di Malaysia. Tunjukkan keupayaan menyerap, menembusi dan memantulkan cahaya pada setiap jenis kaca yang anda pilih.

(20 markah)

2. (a) Jelaskan dan huraikan 3 jenis penggunaan tenaga pada bangunan yang melibatkan kos.

(b) Jelaskan dan huraikan peranan perekabentuk atau arkitek di dalam usaha untuk menjimatkan penggunaan tenaga di dalam rekabentuk sebuah bangunan pejabat setinggi 25 tingkat.

(20 markah)

Bahagian B

3. Pencemaran udara merupakan masalah yang paling penting di negeri kita masa kini. Bincangkan:

(i) Apakah jenis-jenis bahan pencemar yang terlibat dalam pencemaran udara, dari segi pengangkutan, perkilangan dan sebagainya.

- (ii) Saiz masalah ini di Malaysia
- (iii) Kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengawal pencemaran udara.

(20 markah)

4. Tuliskan nota-nota ringkas. Pilih lima (5) dari perkara-perkara berikut:

- (i) Sampah Sarap
- (ii) Kesan Rumah Hijau dan Kesan CFC (klorofluorokarbon)
- (iii) Kaedah Mengawal Hakisan Tanah dan Pemendakan
- (iv) Kawalan Bunyi Bising
- (v) EIA (Environmental Impact Assessment) dan Undang-Undang Persekitaran Di Malaysia
- (vi) Pencemaran Air, Kesan dan Jenis Pencemaran

(20 markah)

Bahagian C

5. Apa itu iklim dalaman? Huraikan kepentingannya terhadap manusia. Tunjukkan bagaimana kita menentukan nilai elemen-elemen iklim dalaman.

(20 markah)

6. Terangkan bagaimana haba boleh berlaku dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan penambahan haba pada sesuatu permukaan.

(20 markah)

ooo00ooo





